

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK – PH – PKR]**

TARIKH : 4 DISEMBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah hala tuju yang dirancang oleh Kementerian dengan penubuhan *Youth Power Club* (YPC) kepada golongan belia dalam memupuk belia ke arah menjadi pelapis kepimpinan di masa akan datang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Hala tuju dan objektif yang dirancang oleh Kementerian dalam penubuhan *Youth Power Club* (YPC) adalah berdasarkan kepada pindaan kepada Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 yang mana penumpuan diberikan kepada belia di peringkat akar umbi yang berumur di bawah umur 30 tahun berbanding kepimpinan pertubuhan belia yang lain rata-ratanya berumur lebih 30 tahun.

2. Pada masa yang sama terdapat 3 perkara yang akan diberikan penekanan:

(a) Untuk melahirkan pimpinan belia di bawah umur 30 tahun;

NO. SOALAN : 11

- (b) Menggalakkan pengkaderan golongan wanita muda khususnya yang berumur 25 tahun ke bawah dalam persatuan belia; dan
- (c) Menjadikan aktiviti kesukarelawanan sebagai aktiviti yang tersemat dalam hati golongan muda.

3. Akhirnya, usaha ini diharapkan akan dapat melahirkan lebih banyak pimpinan muda di seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.